



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

DAKWAAN TIDAK TEPAT MENGENAI PENYERTAAN KONTRAKTOR BUMIPUTERA DAN TEMPATAN DALAM PROJEK ECRL

Terdapat beberapa laporan berita yang menfokuskan pertanyaan Ahli Parlimen Pasir Salak mengenai penyertaan kontraktor Bumiputera dalam Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) semasa isu ECRL dibangkitkan oleh Ahli Parlimen Dungun di Dewan Rakyat pada 5 Oktober 2021.

Adalah kurang tepat untuk mengatakan 'tidak wujud' penyertaan kontraktor Bumiputera dalam projek ECRL ini.

Sehingga 31 Ogos 2021, terdapat 81 buah syarikat majoriti Bumiputera telah menyertai projek ECRL dengan nilai sebanyak RM320 juta. Ini merupakan 10.67% daripada keseluruhan nilai penyertaan Bumiputera yang dirancang iaitu sebanyak RM3 bilion. Fakta ini harus dilihat dalam konteks kemajuan projek bernilai RM50.3 bilion tersebut seperti yang dimaklumkan oleh YB Menteri di Parlimen semalam, yang pada masa ini berada pada kadar 23.96% setakat 31 Ogos 2021.

81 syarikat Bumiputera ini telah berjaya melepasi latihan pra-kelayakan yang dilakukan pada tahun 2017 dan 2019 serta memperoleh kontrak mereka secara kompetitif melalui tawaran dengan kontraktor utama Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan dan Pentauliahan (EPCC). Mereka merangkumi 43 kontraktor, 2 firma perunding serta 36 vendor dan pembekal.

Secara keseluruhan, jumlah penyertaan kontraktor tempatan bagi projek ECRL mempunyai nilai sebanyak RM4.59 bilion dari jumlah yang dirancang sebanyak RM10 bilion (45.9%) dengan 1,368 syarikat mengambil bahagian.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

Di bawah Perjanjian Tambahan (SA) No. 6, kadar peratusan efektif penyertaan syarikat Bumiputera dalam projek ECRL juga akan dinaikkan dari 30% kepada 32.9%. Ini menunjukkan komitmen kontraktor utama EPCC untuk meningkatkan peratusan penyertaan kontraktor Bumiputera dan tempatan dalam projek mega ECRL.

Ini juga adalah hasil daripada penubuhan Jawatankuasa Khas Penyertaan Kontraktor Tempatan dan Bumiputera di dalam Projek ECRL pada bulan Oktober 2020 yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia untuk memastikan penyertaan warga tempatan dan Bumiputera dalam projek ECRL.

Secara keseluruhan, Kementerian Pengangkutan komited untuk memperingkat dan mengembangkan keupayaan syarikat tempatan agar mereka dapat turut bersaing dalam projek-projek mega seperti ECRL yang menjadi pemangkin pertumbuhan masa depan negara.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

CLAIMS OF LOW BUMIPUTERA AND LOCAL PARTICIPATION IN ECRL PROJECT INACCURATE

Several news reports have highlighted the interjection by the Member of Parliament (MP) for Pasir Salak on Bumiputera participation in the East Coast Rail Link (ECRL) project to the Minister's reply to the Dungun MP's question on the same subject on 5 October 2021.

It is less than accurate to assert that the participation of Bumiputera contractors in ECRL is 'non-existent'.

As of 31 August 2021, 81 Bumiputera-majority companies have participated in the project with a value of RM320 million. This constitutes 10.67% of the entire project's planned RM3 billion in total Bumiputera participation value. This fact should be seen in the context of the RM50.3 billion project's progress as informed by the Minister in Parliament yesterday, which currently stands at 23.96% as of 31 August 2021.

These 81 Bumiputera companies have successfully passed the pre-qualifying exercise done in 2017 and 2019 and won their contracts competitively through bids with the engineering, procurement, construction and commissioning (EPCC) main contractor. They include 43 contractors, 2 consultant firms, and 36 vendors and suppliers.

As a whole, the total local participation rate of the ECRL has a value of RM4.59 billion from a planned total of RM10 billion (45.9%) with 1,368 companies participating.

Under the Supplementary Agreement No. 6 the effective participation rate of Bumiputera companies in the ECRL will be raised from 30% to 32.9%, which is a commendable commitment by the main EPCC contractor to raise the percentage of local and Bumiputera participation in the mega project.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

This was a result of a special committee formed in October 2020 chaired by the Secretary General of the Ministry of Transport to oversee the increase of local and Bumiputera participation in the project.

As a whole, the Ministry aims to develop and raise the capabilities of local companies so that they would be able to compete equally in mega projects such as the ECRL which are catalysts for future growth for the nation.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA
7 OKTOBER 2021

-TAMAT-

Tentang MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

Pertanyaan Media:

Kementerian Pengangkutan Malaysia

Tel 1800-88-7723
Fax +603 8892 0208
E-mail aduan@mot.gov.my

